

Kos tinggi belajar di luar negara

Kajian HSBC dapati Australia negara paling mahal bagi pelajar antarabangsa

12 Sep 2014

NIZAM ISMAIL

KOS pengajian yang tinggi di luar negara memerlukan banyak persediaan dan perancangan kewangan.

Menyedari kos yang tinggi, usaha mendapatkan tempat di universiti tempatan harus dilipatgandakan oleh masyarakat bagi menjimatkan kos.

Hal ini ditekankan beberapa karyawan dan individu yang diinterview Berita Harian menyusuli laporan kajian semalam oleh bank HSBC terhadap 15 negara yang mendapati Australia merupakan tempat paling mahal untuk pelajar antarabangsa melanjutkan pelajaran di universiti.

Pakar jantung dari Hospital Raffles, Dr Abdul Razakjr Omar, memberikan contoh bagaimana dua pelajar yang beliau kenali membayar yuran pengajian perubatan di Sydney dan Cambridge lebih \$500,000 bagi pengajian selama lima tahun.

"Berdasarkan kos yang tinggi ini, kita memerlukan pelajar yang benar-benar komited bagi memastikan mereka mampu menamatkan pengajian.

"Ia bukan sahaja satu tempoh yang panjang malah sesuatu yang menimbulkan tekanan bukan sahaja kepada pelajar bahkan ibu bapa. Kita juga harus memikirkan adakah kos ini benar-benar berbaloi?"

"Oleh itu, sebaik mungkin para pelajar perlu berusaha lebih keras untuk mendapatkan tempat di universiti setempat," ujar Dr Abdul Razakjr.

Dalam kajian HSBC itu, pelajar asing memerlukan AS\$42,000 (\$53,067) setahun bagi membayar yuran universiti dan kos sara hidup di Australia.

Ia hampir AS\$3,000 lebih tinggi daripada di Singapura dan AS\$36,000 lebih tinggi daripada bayaran yang diperlukan pelajar asing bagi melanjutkan pelajaran di India.

Australia mendahului Singapura dan Amerika Syarikat bagi kos pengajian dan yang terendah ialah India.

Presiden Persatuan Karyawan Penjagaan Kesihatan Islam (MHPA), Dr Zuraimi Mohamed Dahlan, berkata:

"Kemampuan ialah satu isu dan perlu diambil kira. Jadi perancangan yang teliti penting bagi pelajar menamatkan pengajian dengan jayanya."

Seorang bapa yang menghantar anaknya ke Australia, Encik Mohd Zaid Ariffin, berkata kos yuran pengajian ini tidak termasuk tiket penerbangan, penginapan, makanan, buku, perbelanjaan harian serta kos sara hidup.

Malah kadar tukaran mata wang asing yang tinggi turut menambah kos keseluruhan.

Doktor keluarga daripada Banyan Clinic, Dr Elly Sabrina, berkata:

"Kalau boleh, saya lebih suka jika anak-anak saya bersekolah di Singapura walaupun kosnya agak tinggi. Perancangan daripada segi kewangan harus dibuat awal-awal lagi. Ada kalanya pengajian di luar negara tidak sepadan dengan kos yang ditanggung."

Namun menurut Dr Zuraimi lagi, masih terdapat saluran tertentu yang boleh dipertimbangkan bagi meringankan beban kewangan jika pelajar tidak mempunyai pilihan lain untuk melanjutkan pengajian di luar negara.

Ini seperti Dana Pendidikan Muslim Singapura (SMEF); Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM); Yayasan Lee, Lien Aid atau mendapatkan biasiswa yang ditawarkan beberapa negara Eropah seperti Jerman dan Sweden.